

Hajat Aishatun tak kesampaian

ATLET boling, Siti Aishatun Hussin gagal meneruskan kecemerlangannya membantu skuad Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam acara berpasukan wanita pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SukIPT) 2016 semalam.

Aishatun, 22, bersama tiga lagi rakan-nya, Radin Nur Najwa Radin Dzulfekar, Siti Aishajan Hussin dan Norasikin Maulad Nor Azman sekadar meraih pingat gangsa dengan 4,451 jatuhan pin keseluruhan.

Kegagalan itu menyaksikan Aishatun gagal mengumpul koleksi pingat emas ketiganya selepas terdahulu menjuarai dua acara, individu dan berpasangan wanita temasya kali ini.

Mengulas lanjut, pemain kelahiran Kota Kinabalu, Sabah itu mengakui dia gagal mengekalkan momentum balingan pada blok kedua seperti dipamerkan dalam blok pertama.

“Prestasi saya boleh dikatakan bagus

juga dalam blok pertama tetapi jatuh sedikit sewaktu blok kedua. Keadaan lorong yang sedikit kering menyukarkan balingan saya semalam.

“Walaupun saya berjaya membuat balingan terbaik tetapi saya gagal melakukan *strike*. Semua balingan saya *spare* sahaja,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Sehubungan itu, Aishatun bertekad akan bangkit semula selepas layak bertanding dalam acara Masters wanita esok apabila menghuni No. 4 kategori All Events semalam.

“Ya, saya akan bangkit semula selepas ini. Saya tak mahu sasar tinggi, cuma podium sahaja. Kalau dapat pingat emas, ia satu bonus buat saya.

“Kawan-kawan banyak memberikan sokongan kepada saya. Saya akan memperbaiki segala kelemahan hari ini (semalam) untuk perlawanan seterusnya,” jelasnya.